

SOALAN LAZIM

1. Berapakah Caj Yang Dikenakan Bagi Setiap Permohonan?

Pemohon diminta membeli nombor PIN untuk mengakses e-Borang, di mana-mana Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan harga RM15.60 (Ringgit Malaysia: lima belas dan enam puluh sen sahaja) mulai tarikh iklan.

2. Apakah Tindakan Politeknik Sekiranya Saya Tersalah Memberi Maklumat Semasa Membuat Permohonan?

Segala maklumat yang diberikan semasa permohonan mestilah disemak dengan teliti. Segala maklumat akan dinilai dan memberi merit dalam penawaran kepada calon. Kesalahan maklumat yang diberikan boleh menyebabkan tawaran ditarik semula pada bila-bila masa walaupun calon telah mendaftar di politeknik.

3. Bagaimanakah Saya Boleh Mengetahui Keputusan Permohonan?

Keputusan permohonan boleh disemak melalui kaedah berikut:

Sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menaip POLI<jarak>nombor kad pengenalan tanpa '-' dan hantar ke 39911. Laman web www.ambilan.mypolycc.edu.my. atau Menghubungi mana-mana politeknik.

4. Bolehkan Saya Membuat Lebih Daripada Satu Permohonan?

Calon hanya dibenarkan membuat satu permohonan sahaja bagi setiap sesi kemasukan. Setiap calon diberikan dua pilihan kursus untuk dipohon. Walau bagaimanapun calon dibenarkan untuk membuat semakan atau pindaan maklumat dari semasa ke semasa hingga tarikh tutup permohonan.

5. Bilakah Iklan Kemasukan Ke Politeknik Disiarkan?

Iklan permohonan kemasukan ke politeknik disiarkan dua (2) kali setahun iaitu pada awal bulan Mac dan awal bulan Oktober.

6. Berapa Kalikah Politeknik Mengambil Pelajar Dalam Setahun?

Pengambilan pelajar ke politeknik diadakan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun dan disember. Permohonan boleh dibuat pada bulan Mac dan Oktober setiap tahun.

7. Bolehkah Saya Memohon Kursus Diploma Politeknik Dengan Menggunakan Sijil IKM Saya?

Boleh. Buat masa sekarang, politeknik membuka ruang kepada lima (5) kategori lulusan iaitu lepasan SPM, lepasan luar Negara setara SPM, lepasan sijil politeknik, lepasan sijil kolej komuniti & IKM serta sijil kemahiran Malaysia (Tahap 3) sahaja. Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian modul atau pindahan kredit bagi modul-modul tertentu.

8. Saya Lulusan Sijil Kolej Komuniti, Apakah Syarat Yang Membolehkan Saya Melanjutkan Pengajian Ke Peringkat Diploma Di Politeknik?

Pemohon mesti tamat pengajian di peringkat sijil kolej komuniti. Memiliki HPNM sekurang-kurangnya 2.90. Lulus SPM dengan 1 kredit apa-apa subjek.

9. Bagaimana Dengan Syarat Kemasukan Ke Politeknik?

Syarat kemasukan ke politeknik bergantung kepada kursus dan peringkat pengajian. Secara umumnya, calon mestilah warganegara Malaysia dan lulus SPM. Bagi kursus peringkat diploma, calon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya: Tiga kepujian dan lulus matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan sejarah. Maklumat secara terperinci berkenaan syarat kemasukan boleh diperolehi di ambilan.mypolycc.edu.my.

11. Kawasan Saya Tidak Mempunyai Kemudahan Internet, Adakah Politeknik Menyediakan Borang?

Pemohon yang sukar mendapatkan kemudahan internet boleh menghubungi mana-mana Unit Hal-Ehwal Pelajar Politeknik KPT atau Kolej Komuniti KPT yang berhampiran secara menelefon atau menulis surat untuk mendapatkan keterangan lanjut.

12. Bagaimanakah Kaedah Permohonan Kemasukan Ke Politeknik?

Permohonan hendaklah dibuat melalui kaedah dalam talian (ON-LINE) dengan melayari laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my>